

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD AZIS BIN JAMMAN
(SEPANGGAR)**

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pembangunan infrastruktur PDRM (pembangunan semula/naik taraf/pembaikan) yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah pakej Perbelanjaan Pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) *Rolling Plan* Keempat Tahun 2020, PDRM telah menerima kelulusan pelaksanaan projek seperti berikut :

1. Pangkalan PGU Kuching, Sarawak;
2. Menaiktaraf Stor Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ);
3. Menaiktaraf Stor Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN);
4. Kerja-Kerja Pembaikan Kuarters dan Pembaikan Pejabat; dan
5. Kerja-Kerja Penggantian Lif.

Selain itu, terdapat projek sambungan yang telah diluluskan sebelum ini dan akan ditender pada tahun ini iaitu:

1. Kem BN10 PGA Sarikei, Sarawak (RP2 Tahun 2017)

2. Ibu Pejabat dan Pusat Latihan UTK (RP2 Tahun 2017)
3. Balai Polis Rantau Panjang, Kelantan (RP3 Tahun 2018)
4. IPD Klang Utara, Selangor (RP4 Tahun 2019)
5. IPD Hulu Terengganu (RP4 Tahun 2019)
6. Stor Persenjataan BN1 PGA Ulu Kinta (RP4 Tahun 2019)
7. Penggantian paip air di Kompleks BN1 PGA Ulu Kinta (RP4 Tahun 2019)
8. Pembinaan Pencawang Elektrik Kompleks Cawangan Khas E1 di Jalan Semarak, K.Lumpur (RP4 Tahun 2019);
9. Pembaikan Pejabat dan kuarters IPD Kajang, Selangor (RP4 Tahun 2019); dan
10. Pembaikan kompleks Perumahan IPD Sepang, Selangor (RP4 Tahun 2019).

Senarai projek yang sedang dilaksanakan di bawah Pembinaan BLT Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:-

1. Balai Polis Inanam;
2. IPK Terengganu;
3. Pasukan Gerakan Marin, Tok Bali Kelantan;
4. Balai Polis Kuala Krau, Pahang;
5. Balai Polis Samalaju, Sarawak; dan
6. Balai Polis dan Perumahan Sg. Rambai, Melaka.